

Cadangan diberi gelaran 'Penganjur Utama Kemerdekaan'

FELLOW Penyelidik Kanan, Institut Tamadun dan Dunia Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr. Syed Hussein Al-Attas mencadangkan Presiden Umno pertama, Datuk Onn Jaafar diberi gelaran 'Penganjur Utama Kemerdekaan'.

Beliau membuat cadangan itu ketika ditanya seorang peserta Seminar Kebangsaan Mengenai Pemikiran Datuk Onn sama ada tokoh Umno itu layak diberikan gelaran 'Bapa Kemerdekaan' menggantikan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Katanya, tidak perlu ada polemik mengenai gelaran 'Bapa Kemerdekaan' tetapi generasi muda perlu diberitahu Datuk Onn memulakan gerakan kemerdekaan di Tanah Melayu.

Prof Dr Syed Hussein yang juga anak saudara kepada Datuk Onn, menegaskan hanya Presiden Umno pertama itu boleh ditakrifkan sebagai perintis kemerdekaan walaupun banyak pihak kini mengaku berjuang untuk kemerdekaan.

"Tiada orang lain...bukan komunis walaupun mereka mendakwa berjasa

menuntut kemerdekaan. Pemimpin komunis seperti Abdullah CD, Rashid Maidin atau Chin Peng tidak terbabit dalam gerakan kemerdekaan ini.

"Mereka hanya mahu mengusir British dan menggantikannya dengan komunis... ini bukan kemerdekaan tetapi satu bentuk imperialisisme," katanya.

Menjawab soalan sama ada kontrak sosial yang diamalkan perlu diubah, Prof Dr Syed Hussein berkata, Malaysia tidak memerlukan kontrak sosial baru, sebaliknya apa yang tersedia perlu diamalkan bersung-

guh-sungguh.

Katanya, semua kaum perlu mengaku kontrak sosial yang dipersetujui dan tidak perlu mengungkitnya kerana ia jelas melanggar semangat kerjasama dan perpaduan yang dipersetujui pemimpin terdahulu.

Sementara itu, Prof Dr Syed Hussein berkata, perjuangan Datuk Onn sebenarnya, bukan sekadar menentang Malayan Union tetapi gerakan menuntut kemerdekaan.

"Walaupun beliau kemudian keluar daripada Umno dan menubuh-

kan parti lain, ia tidak boleh dilihat sebagai kegagalan, sebaliknya salah mengatur strategi dan ia berlaku kepada mana-mana pemimpin ulung dunia," katanya.

Beliau berkata, pemimpin Umno kini perlu mengambil contoh perjuangan Datuk Onn yang mementingkan etika perjuangan tanpa sebarang muslihat.

"Hidup bapa saudara saya adalah perjuangannya...daripada muda hinggalah meninggal dunia dan banyak yang boleh dipelajari daripada sejarah pemikirannya," katanya.